

FAKTOR YANG MENDORONG PENCAPAIAN AKADEMIK
PELAJAR DALAM PROGRAM KIMPALAN
DI KOLEJ VOKASIONAL

WAN MOHD FAZLI BIN WAN YUSOP

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal (Reka bentuk Instruksional & Teknologi)

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JUL 2014

ABSTRAK

Dalam mengejar arus pembangunan menuju Wawasan 2020 pada masa kini, negara kita perlu bersedia dalam menyediakan tenaga kerja yang mahir dan bersesuaian dengan sektor yang ditawarkan. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional telah dipertanggungjawabkan menyediakan tenaga kerja mahir ini. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar program kimpalan di Kolej Vokasional. Faktor-faktor yang dikaji adalah faktor personaliti, faktor persekitaran dan faktor keluarga serta diperincikan kepada beberapa aspek yang utama iaitu aspek minat, sikap, disiplin, peralatan, tenaga pengajar, rakan sebaya, sosioekonomi dan tanggungjawab keluarga. Kajian ini melibatkan lima buah kolej yang terpilih mengikut zon di semenanjung Malaysia iaitu Kolej Vokasional Sungai Petani 1, Kolej Vokasional Shah Alam, Kolej Vokasional Datuk Seri Mohd Zin, Kolej Vokasional Kluang dan Kolej Vokasional Pengkalan Chepa. Kajian ini telah menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian dan melibatkan seramai 148 orang responden. Kaedah persampelan yang digunakan ialah sampel rawak mudah. Data-data yang diperolehi diproses menggunakan perisian *SPSS (Statistical Package for the Social Sciences) V.21*. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor personaliti merupakan faktor yang sangat mendorong pencapaian akademik pelajar dengan nilai purata skor min adalah 3.92 dan aspek minat merupakan aspek yang sangat mendorong pencapaian akademik dengan nilai purata skor min adalah 4.02 bagi pelajar program kimpalan di Kolej Vokasional. Diharapkan hasil dari kajian ini dapat digunakan oleh pihak-pihak tertentu dalam usaha memperbaiki dan mengembangkan program yang terdapat di Kolej Vokasional.

ABSTRACT

In the pursuit of development towards Vision 2020 at present, our country should be prepared to provide a skilled workforce and in accordance with the offer. Ministry of Education (MOE) through the Division of Technical and Vocational Education has been tasked to provide this talent. This study aimed to determine the factors that influence student achievement in Vocational College welding program. The factors studied are personality factors, environmental factors and family factors, and detailed to some of the main aspects of aspects of interest, attitude, discipline, equipment, trainers, peer, socio-economic and family responsibilities. The study involved five colleges selected by the zone in peninsular Malaysia Sungai Petani 1 Vocational College, Shah Alam Vocational College, College of Vocational Datuk Seri Mohd Zin, Kluang Vocational College and Pengkalan Chepa Vocational College. The study was based on questionnaire as research instruments and involved 148 respondents. The method of sampling used was simple random sampling. The data was analyzed using SPSS (Statistical Package for the Social Sciences) V.21. The findings show that personality factors are factors that are very encouraging academic achievement with the mean score is 3.92 and the aspect of interest is very encouraging aspect of academic achievement with the mean score was 4:02 for students in Vocational College welding program. Expected results from this study can be used by certain parties in an effort to improve and expand the programs available at the College of Vocational Education.

KANDUNGAN

	PENGESAHAN	
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	5
	1.3 Pernyataan Masalah	9
	1.4 Tujuan Kajian	10
	1.5 Objektif Kajian	10
	1.6 Soalan Kajian	11
	1.7 Kerangka Konsep	11
	1.8 Kepentingan Kajian	14
	1.9 Skop Kajian	15
	1.10 Batasan Kajian	15
	1.11 Definisi Istilah dan Pengoperasian	16
	1.12 Rumusan	17

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	18
2.2	Model Reka Bentuk Kerangka Konsep	18
2.3	Faktor Personaliti	19
	2.3.1 Aspek Minat Pelajar	21
	2.3.2 Aspek Sikap Pelajar	23
	2.3.3 Aspek Disiplin Pelajar	25
2.4	Faktor persekitaran	29
	2.4.1 Aspek Peralatan Kolej	31
	2.4.2 Aspek Tenaga Pengajar	32
	2.4.3 Aspek Rakan Sebaya	36
2.5	Faktor Keluarga	39
	2.5.1 Aspek Sosioekonomi	40
	2.5.2 Aspek Tanggungjawab Keluarga	43
2.5	Rumusan	47

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	48
3.2	Rekabentuk Kajian	48
3.3	Kerangka Kerja Operasi Kajian	49
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	52
3.5	Tempat Kajian	56
3.6	Instrumen Kajian	54
	3.6.1 Borang Soal Selidik	55
	3.6.2 Kesahan	57
	3.6.3 Kajian Rintis	58
	3.6.4 Kebolehpercayaan	59
3.7	Pemboleh Ubah Kajian	61
3.8	Pengumpulan Data	62
	3.8.1 Pembentukan Soal Selidik	63
	3.8.2 Pentadbiran Soal Selidik	64
3.9	Penganalisan Data	64
3.10	Rumusan	65

BAB 4	ANALISIS DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	66
4.2	Demografi Responden	66
4.2.1	Jantina	67
4.2.2	Umur	67
4.2.3	Tempat Tinggal	68
4.2.4	Jarak	68
4.2.5	Jumlah Adik Beradik	69
4.2.6	Pekerjaan Bapa/Penjaga	70
4.2.7	Pekerjaan Ibu	70
4.2.8	Pendapatan Seisi Rumah	71
4.3	Dapatan Kajian	72
4.3.1	Analisis Faktor Personaliti	72
4.3.2	Analisis Faktor Persekitaran	78
4.3.2	Analisis Faktor Keluarga	84
4.3.4	Analisis Nilai Skor Min Tertinggi	88
4.9	Rumusan	89
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	91
5.2	Perbincangan dan Kesimpulan	91
5.3	Mengenalpasti Faktor Personaliti Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Kimpalan.	92
5.3.1	Faktor Personaliti Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar : Aspek Minat	93
5.3.2	Faktor Personaliti Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar : Aspek Sikap	95
5.3.3	Faktor Personaliti Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar : Aspek Disiplin	97
5.4	Mengenalpasti Faktor Persekitaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Kimpalan.	99
5.4.1	Faktor Persekitaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar : Aspek Peralatan	

	Kolej Vokasional	101
5.4.2	Faktor Persekitaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar : Aspek Tenaga Pengajar Kolej Vokasional	103
5.4.3	Faktor Persekitaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar : Aspek Rakan Sebaya	105
5.5	Mengenalpasti Faktor Keluarga Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Kimpalan.	107
5.5.1	Faktor Keluarga Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar : Aspek Sosioekonomi	109
5.5.2	Faktor Keluarga Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar : Aspek Tanggungjawab Keluarga	110
5.6	Kesimpulan	113
5.7	Cadangan	115
5.7.1	Cadangan Terhadap Kajian	115
5.7.2	Cadangan Terhadap Kajian Lanjutan	118
5.7	Penutup	119
	RUJUKAN	121
	LAMPIRAN	



SENARAI JADUAL

1.1	Syarat kemasukan Program di KV	6
1.2	Sistem Pembahagian Markah Dalam Bentuk Peratusan di KV	7
1.3	Wajaran Kompetensi Pelajar di KV yang dikeluarkan oleh LPM	8
1.4	Keputusan Pelajar Kimpalan Bagi Sesi Pra-Diploma di KV Rintis	9
3.1	Pengagihan Sampel Kajian Mengikut KV	53
3.2	Pembahagian Item Soal Selidik	55
3.3	Skala Likert	56
3.4	Pentaksiran Min	57
3.5	Nilai Alpha Cronbach's	59
3.6	Interpretasi skor bagi nilai <i>Alpha Cronbach</i>	61
3.7	Pecahan Soal Selidik	64
3.8	Kaedah Analisis Data	65
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	67
4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	68
4.3	Taburan Tempat Tinggal	68
4.4	Taburan Jarak Tempat Tinggal	69
4.5	Taburan Jumlah Adik-Beradik	70
4.6	Taburan Pekerjaan Bapa/Penjaga	71
4.7	Taburan Pekerjaan Ibu	71
4.8	Taburan Pendapatan Seisi Rumah	77
4.9	Analisis Faktor Personaliti	73
4.10	Analisis Aspek Minat	75
4.11	Analisis Aspek Sikap	76
4.12	Analisis Aspek Disiplin	77
4.13	Analisis Faktor Persekitaran	79
4.14	Analisis Aspek Peralatan Kolej	81
4.15	Analisis Aspek Tenaga Pengajar	82

4.16	Analisis Aspek Rakan Sebaya	83
4.17	Analisis Faktor Keluarga	85
4.18	Analisis Aspek Sosioekonomi	86
4.19	Analisis Aspek Tanggungjawab	87
4.20	Analisis Keseluruhan Mengikut Nilai Skor Min Tertinggi	89
4.21	Analisis Keseluruhan Faktor Pencapaian	90



PTTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI RAJAH

1.1	Hubungan Pencapaian Pelajar Dengan Faktor Personaliti, Faktor Persekitaran dan Faktor Keluarga	4
1.3	Penerangan Kerangka Konsep Kajian	13
2.1	Model Reka Bentuk Kerangka Konsep	19
3.1	Kerangka Operasi Kajian	50
3.2	Pemboleh Ubah Kajian	62



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
KBS	-	Kementerian Belia Dan Sukan
BPTV	-	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
SMT	-	Sekolah Menengah Teknik
SMV	-	Sekolah Menengah Vokasional
KV	-	Kolej Vokasional
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
SPVM	-	Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia
SPMV	-	Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional
DVM	-	Diploma Vokasional Malaysia
SVM	-	Sijil Vokasional Malaysia
SKM	-	Sijil Kemahiran Malaysia
LPM	-	Lembaga Peperiksaan Malaysia
DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka



SENARAI LAMPIRAN

A1	Carta Gantt Projek Sarjana 1
A2	Carta Gantt Projek Sarjana 2
B	Jadual Kreicie & Morgan
C	Borang soal selidik
D	Pengesahan Pakar
E	Kajian Rintis
F	Surat Rasmi
G	Dapatan Kajian 2014



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Tanggal 28 Februari 1991, Tun Dr Mahathir Mohamad telah memperkenalkan dasar Wawasan 2020 di persidangan Majlis Perdagangan Malaysia. Wawasan 2020 telah menjadi satu aspirasi dan cabaran negara yang perlu dicapai oleh rakyat Malaysia. Sejak itu perubahan demi perubahan berlaku di negara kita dalam proses mencapai Wawasan 2020. Dalam mencapai taraf sebuah negara maju, pelbagai keperluan perlu dipenuhi dalam masa terdekat ini dan proses ini melibatkan seluruh rakyat Malaysia agar aspirasi ini dapat dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Keperluan yang dimaksudkan bukan hanya tertumpu kepada keperluan fizikal sahaja malah ia melibatkan keperluan-keperluan lain. Salah satu keperluan yang penting adalah pendidikan yang mantap. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) juga tidak ketinggalan membantu dalam usaha mencapai hasrat wawasan negara. Perubahan demi perubahan dalam kurikulum dengan menerapkan komponen-komponen yang baru selaras dengan perkembangan dunia semasa yang berlaku dengan pantas bagi memastikan perubahan kurikulum yang dilakukan adalah relevan. Diharap dengan perubahan ini akan berlaku perubahan yang diharapkan demi mencapai hasrat negara seperti di dalam sebuah rencana yang dipetik dari Rosleh (2013) yang bertajuk 'Pendidikan Sebagai Satu Industri' ada mengatakan bahawa, "Selepas kemerdekaan sistem pendidikan negara telah banyak melalui banyak perubahan, bermula dengan dasar untuk menyediakan peluang belajar kepada setiap rakyat, dunia pendidikan kita berkembang pesat dan kompleks. Matlamatnya juga sudah melewati dimensi baru dan lebih daripada sekadar memberi ilmu kepada masyarakat".

Pada masa kini negara kita merupakan sebuah negara yang sedang membangun ke arah mencapai status negara maju selaras dengan Wawasan 2020. Selaras dengan perubahan dari negara pertanian kepada negara perindustrian, keperluan teknikal amat penting untuk disediakan oleh pihak kerajaan. “Belia perlu ada pengetahuan dan *skill* yang berkualiti dalam jangka mencapai Wawasan 2020”, Mahathir dalam Kementerian Belia dan Sukan (2013). Oleh yang demikian semakin ramai ahli-ahli teknologi, jurutera dan pekerja yang cekap dan mahir diperlukan untuk mengendalikan sesuatu bidang kerja teknikal. Persediaan untuk perubahan negara pertanian kepada negara perindustrian memerlukan perancangan yang rapi bagi memastikan matlamat yang hendak dicapai berjaya.


Persediaan ini tidak dapat lari daripada melalui saluran pendidikan yang secara langsung memberi pendidikan secara khusus kepada para pelajar. KPM telah diberi mandat sepenuhnya oleh kerajaan untuk memikul tanggungjawab bagi melahirkan generasi muda yang berteknologi. Melalui BPTV, KPM telah menyediakan satu sistem pembelajaran yang berasaskan ‘*hands on*’ kepada pelajar bagi mempelbagaikan sistem pendidikan di Malaysia. Sistem pendidikan kita pada hari ini banyak dipengaruhi oleh perkembangan perubahan teknologi dan secara langsung melibatkan Sekolah Menengah Teknik (SMT) dan Kolej Vokasional (KV). Kursus-kursus yang ditawarkan di SMT akan dapat memberi kemahiran-kemahiran asas yang diperlukan bila pelajar menyambung pelajaran di peringkat yang lebih tinggi dan menyumbang kepada mereka kepada negara suatu hari kelak.

Perubahan demi perubahan berlaku dengan pantas berlaku di peringkat BPTV, dari Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia (SPVM) bertukar kepada Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV). Pada tahun 2007 sistem pembelajaran menggunakan Modular menggantikan sukatan pelajaran diperkenalkan dan Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional masih digunakan lagi. Pada tahun 2012, berlaku lagi perubahan dalam pendidikan vokasional negara kita, Sekolah Menengah Vokasional dinaik taraf kepada KV dan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) serta Sijil Vokasional Malaysia (SVM) diperkenalkan. Jika dahulu pelajar hanya didedahkan kepada asas teknologi tetapi pada masa kini pelajar didedahkan dengan teknologi peringkat pertengahan. Perubahan ini berlaku jika terdapat pelajar yang tidak berminat untuk menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi, mereka boleh memasuki alam pekerjaan setelah tamat kursus mereka di KV. Pada peringkat

permulaan hanya terdapat 15 buah KV sahaja yang menjalankan sistem baru ini. Kolej yang diberi nama dengan KV Rintis dipilih satu setiap negeri dan kursus yang terlibat mengikut kursus yang sedia ada di sekolah vokasional tersebut.

Program kimpalan merupakan salah satu program yang ditawarkan di Kolej Vokasional (KV). Kalau dahulunya pelajar hanya didedahkan kepada asas kimpalan arka, kimpalan gas dan pemotongan gas tetapi pada masa kini pelajar akan diberikan latihan dalam proses kimpalan di peringkat yang lebih tinggi bagi tujuan menghasilkan pekerja mahir. Pelajar-pelajar yang mengambil jurusan ini akan mengikuti kelas amali, teori, lukisan kejuruteraan dan mata pelajaran akademik. Berdasarkan buku garis panduan peraturan akademik yang dikeluarkan oleh BPTV (2014) untuk melayakan pelajar menerima diploma mereka perlu melalui tapisan awal iaitu Pra-Diploma yang dijalankan pada tahun satu dan tahun dua. Pada peringkat ini pelajar akan dinilai bagi setiap semester. Pelajar yang melepasi CGPA 2.00 ke atas bagi akademik, lulus Bahasa Melayu kod 1104 dan kompeten setiap modul vokasional akan ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat diploma pula dengan tanpa syarat. Pada peringkat diploma pula pelajar perlu lulus setiap modul insaniah dan kompeten setiap modul vokasional. Menurut Yassin (2011), “Ia tidak terbatas kepada Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) saja tapi sijil yang lebih tinggi setaraf diploma atau diploma lanjutan”.

Bagi memastikan setiap pelajar layak untuk meneruskan pengajian mereka di peringkat DVM, pencapaian mereka haruslah melepasi tahap yang telah ditetapkan oleh pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Menurut *Research Centre on Academic Success [CRIRES]* (2005) dalam Fin dan Ishak (2013), pencapaian akademik merujuk kepada satu tahap pencapaian yang diperolehi oleh seseorang individu dalam pelbagai bidang pengetahuan dan kemahiran. Tahap ini ditentukan dari segi umur, proses yang mereka telah melalui pembelajaran dan keupayaan individu berkenaan dengan aspek pendidikan, kelayakan dan sosialisasi. Proses pencapaian ini akan dipengaruhi oleh beberapa faktor iaitu faktor personaliti, faktor persekitaran dan faktor keluarga. Menurut Abdullah dan Muhaimin (2006), faktor persekitaran dan sikap pelajar terhadap pembelajaran banyak mendorong kecemerlangan akademik pelajar. Hubungan pencapaian pelajar dengan faktor personaliti, faktor persekitaran dan faktor keluarga ditunjukkan seperti Rajah 1.1.



Rajah 1.1 : Hubungan Pencapaian Pelajar Dengan Faktor Personaliti, Faktor Persekitaran Dan Faktor Keluarga. (Dipetik dari jurnal penyelidikan Abu Hassan *et. all.* (2005), rajah kerangka konsep Persekitaran Budaya Pelajar)

Dalam usaha mencapai matlamat yang diinginkan, pelbagai usaha perlu dijalankan bagi memastikan usaha yang dijalankan tidaklah sia-sia belaka. Usaha yang dilakukan perlulah melibatkan kedua-dua belah pihak. Jika usaha yang dilakukan hanya berlaku pada pihak KPM sahaja, maka proses perubahan ini akan gagal sepenuhnya walaupun perancangannya cukup baik dan teliti. Di pihak pelajar pula terdapat pelbagai aspek yang akan mendorong pembelajaran pelajar apabila berada di KV. Faktor-faktor seperti faktor personaliti, persekitaran dan keluarga akan menjadi faktor utama yang mendorong proses pembelajaran pelajar. Hasil kajian yang dijalankan oleh Madar, Kamaruddin dan Puteh (2005), mendapati faktor sikap, iklim politeknik dan pengajaran pensyarah merupakan antara faktor yang paling mempengaruhi pencapaian pelajar diploma dalam menguasai mata pelajaran Sistem Elektronik 1 di Politeknik Engku Omar, Politeknik Shah Alam dan Politeknik Port Dickson. Dari pengetahuan dan pengalaman penyelidik didapati kebanyakan pelajar yang belajar di KV mempunyai latar belakang yang berbeza dari segi asas pendidikan, ekonomi keluarga dan sebagainya. Disebabkan perbezaan ini mungkin akan mendorong pembelajaran mereka di sini. Walau bagaimanapun masih terdapat

segelintir pelajar yang mempunyai latar belakang yang sama di antara mereka seperti tiada pengetahuan asas kejuruteraan.

Pendidikan merupakan satu aset yang penting pada masa kini kerana melalui pendidikan yang sempurna ia dapat menentukan hala tuju pelajar pada masa akan datang. Proses pendidikan yang berjaya bukan bermaksud berjaya mendapatkan segulung diploma atau ijazah tetapi maksud pendidikan yang sempurna adalah dapat mengharungi kehidupan pada masa akan datang dan dapat mengharungi dugaan serta rintangan kehidupan yang cukup mencabar dewasa ini dengan menggunakan ilmu yang mereka pelajari. Dengan berbekalkan kemahiran yang ada diharapkan setiap pelajar dapat menggunakan kemahiran mereka dalam membantu mencapai matlamat negara pada masa depan.

Oleh yang demikian, program kemahiran yang ditempatkan di KV yang dirancang oleh KPM merupakan program yang dapat membantu dalam mencapai matlamat menyediakan ahli-ahli teknologi dan pekerja-pekerja mahir bagi merialisasikan matlamat negara mencapai wawasan 2020 pada masa akan datang. Kejayaan dan keberkesanan program ini juga bergantung kepada faktor-faktor personaliti, faktor persekitaran dan faktor keluarga kerana ianya merupakan pengaruh yang besar dalam diri pelajar.

1.2 Latar Belakang Masalah

Pada asasnya seseorang pelajar yang mengikuti pendidikan formal akan diuji kebolehan mereka melalui peperiksaan formal iaitu peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM secara berpusat mengikut tahap mereka bagi menentukan tahap pencapaian sebenar pelajar tersebut. Bagi pelajar yang meminati bidang kemahiran mereka boleh meneruskan pembelajaran mereka di KV yang menyediakan program-program kemahiran mengikut kehendak industri semasa. Syarat-syarat kelayakan bagi pelajar mengikuti program di KV ditentukan berdasarkan program yang dipilih oleh pelajar itu sendiri. Bagi pelajar yang berminat mengikuti program kimpalan syarat kemasukan mereka yang minimum hanya perlu mendapat D dalam lima mata pelajaran yang mereka duduki di PMR. Berikut adalah syarat kelayakan kemasukan program-program yang ditawarkan di KV yang ditunjukkan di dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1 : Syarat kemasukan program di KV
(Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, 2013)

Kategori	Program	Kelayakan
A	<ol style="list-style-type: none"> 1. Teknologi Mekatronik 2. Penyelenggaraan Pesawat 3. Perakaunan 4. Pengurusan perniagaan 	<p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred B pada peringkat PMR dalam mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Melayu • Bahasa Inggeris • Matematik • Sains • Kemahiran Hidup.
B	<ol style="list-style-type: none"> 1. Teknologi Elektrik 2. Teknologi Elektronik 3. Teknologi Automotif 4. Sistem Komputer dan Rangkaian 5. Sistem Pengurusan Pengkalan Data dan Aplikasi Web 6. Teknologi Pembinaan 7. Pembuatan Peralatan - Metal Stamping Die 8. Pembuatan Peralatan – Mould 	<p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C pada peringkat PMR dalam mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Melayu • Bahasa Inggeris • Matematik • Sains • Kemahiran Hidup.
C	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pelancongan 2. Seni Kulinari 3. Bakeri dan Konfeksioneri 4. Fesyen dan Pembuat Pakaian 5. Perkhidmatan Asuhan Kanak-kanak 6. Kosmetologi 7. Teknologi Penyejukbekuan dan Penyaman Udara 8. Pemesin Industri 9. Teknologi Kimpalan 10. Hotikultur Hiasan 11. Landskap 12. Mekanisasi Pertanian 13. Agroindustri Tanaman 14. Agroindustri Ruminan 15. Agoindustri Poltri 16. Bioteknologi 17. Herba 18. Pemprosesan Hasil Pertanian 19. Akuakultur 	<p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred D pada peringkat PMR dalam mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Melayu • Bahasa Inggeris • Matematik • Sains • Kemahiran Hidup.

Berdasarkan syarat kemasukan di Jadual 1.1 yang telah dikeluarkan oleh BPTV (2013), syarat kemasukan bagi program kimpalan adalah syarat yang paling

minimum iaitu mendapat D dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Kemahiran Hidup. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar yang menyertai program kimpalan adalah pelajar yang lemah dari aspek akademik mereka semasa mereka di sekolah menengah rendah.

Berdasarkan garis panduan peraturan akademik BPTV (2014), sistem penilaian bagi KV pada masa sekarang berbeza dengan yang dahulunya. Peperiksaan berpusat hanya melibatkan 30% dari markah keseluruhan pentaksiran. Pada masa sekarang sistem pentaksiran berterusan yang melibatkan 70% markah dan dicampurkan dengan penilaian akhir yang membawa 30% markah sahaja bagi mata pelajaran vokasional. Sistem pembahagian markah yang digunakan di KV pada masa ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2 : Sistem pembahagian markah dalam bentuk peratusan di KV
(Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, 2014)

Jenis Penilaian	Masa (minggu)	Pembahagian Markah (%)		Jumlah (%)
		Amali	Teori	
Pentaksiran Berterusan (PBS)	14	50	20	70
Penilaian Akhir (PA)	2 - 3	20	10	30
Jumlah	19	70	30	100

Bagi mata pelajaran vokasional pula, setiap pelajar dikehendaki kompeten bagi setiap modul. Vathanophas dan Thai-Ngam (2007), kompeten bermaksud pengetahuan, kemahiran, kebolehan, traid dan perlakuan yang membolehkan seseorang melaksanakan tugasnya dalam satu-satu profesion. M. Sail (2010), kompetensi yang mudah dilihat seperti pengetahuan dan kemahiran adalah kompetensi teknikal yang diperlukan bagi melaksanakan sesuatu tugas. Menurut Kamus Dewan (2005), kompeten bermaksud cekap, layak, dapat menjalankan tugas dengan sempurna. Menurut Ahmad Syafie (2007), kompeten adalah ketrampilan yang diperlukan seseorang yang ditunjukkan oleh kemampuannya untuk dengan konsisten memberikan tingkat kerja yang memadai atau tinggi dalam suatu fungsi

pekerjaan spesifik. Wajaran kompeten pula dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Jika seseorang pelajar tidak kompeten salah-satu modul vokasional ketika mereka berada di tahun satu mereka tidak layak menerima SVM pada pra-diploma dan seterusnya diploma. Wajaran yang dikeluarkan oleh LPM bagi menentukan kompeten atau tidak seseorang pelajar ditunjukkan dalam Jadual 1.3.

Jadual 1.3 : Wajaran kompetensi pelajar di KV yang dikeluarkan oleh LPM dalam buku garis panduan peraturan akademik BPTV (Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, 2014)

MARKAH	GRED	MATA	KOMPETEN / BELUM KOMPETEN
90	A	4.00	KOMPETEN
80	A-	3.67	KOMPETEN
70	B+	3.33	KOMPETEN
65	B	3.00	KOMPETEN
60	B-	2.67	KOMPETEN
55	C+	2.33	BELUM KOMPETEN
50	C	2.00	BELUM KOMPETEN
45	D+	1.67	BELUM KOMPETEN
40	D	1.33	BELUM KOMPETEN
35	D-	1.00	BELUM KOMPETEN
0	E	0	BELUM KOMPETEN
T	T	0	BELUM KOMPETEN

Mengikut analisis yang dikeluarkan oleh LPM (2013), dalam Mesyuarat Pelarasan Data Bagi KV di Melaka, keputusan Pra-Diploma beberapa KV Rintis yang dipilih dari semester satu hingga semester empat, nilai gred purata bagi mata pelajaran vokasional setiap semester adalah sekitar 3.38 hingga 3.59 dan peratus kelulusan pula sekitar 93.63% hingga 99.16%. Berdasarkan keputusan yang telah dikeluarkan oleh pihak kolej dan disahkan oleh pihak LPM, keputusan pelajar KV tergolong dalam keputusan kepujian dan cemerlang sedangkan kebanyakan pelajar yang memasuki KV adalah pelajar pertengahan dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR). Apakah faktor yang memporong perubahan pelajar yang dikatakan

pelajar lemah dan pertengahan berubah kepada pelajar yang cemerlang. Adakah faktor personaliti, faktor persekitaran dan faktor keluarga yang mendorong kecemerlangan pelajar di KV. Keputusan mata pelajaran kimpalan bagi KV Rintis sepanjang program pra-diploma selama empat semester ditunjukkan dalam Jadual 1.4.

Jadual 1.4 : Keputusan pelajar kimpalan bagi sesi Pra-Diploma di KV Rintis
(Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2013)

Tahun	Semester	Jumlah Pelajar	Purata % lulus	Purata Nilai Gred Purata (NGP)
1	1	265	99.43	3.65
	2	268	96.54	3.44
2	3	261	95.38	3.44
	4	169	99.32	3.51

Oleh itu, berdasarkan data keputusan pelajar dari KV menunjukkan pencapaian pelajar berada di kedudukan kepujian dan cemerlang dan peratusan kelulusan berada lebih 95% ke atas. Pelajar yang dianggap pelajar pertengahan dan pelajar lemah ketika PMR boleh mencapai keputusan yang baik di KV.

1.3 Pernyataan Masalah

Perubahan sistem pendidikan vokasional di negara kita berlaku dengan seiring dengan kemajuan yang hendak dicapai. Sistem yang memperkenalkan SVM dan DVM bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada pelajar yang mempunyai kemahiran tangan yang baik. Setiap pelajar perlu kompeten dalam setiap modul mereka bagi melayakkan mereka meneruskan pengajaran di peringkat diploma. Bagi pelajar yang tidak kompeten mereka akan ditamatkan pengajian mereka untuk mereka menyertai alam pekerjaan dengan berbekalkan kemahiran yang mereka ada.

Menurut Trembley, Ross dan Berthelot (1999) dalam Madar, Kamaruddin dan Puteh (2005), menyatakan bahawa guru, bilik darjah, sekolah dan kawasan sekitar adalah penting kepada pencapaian pelajar. Dalam memberi latihan yang mencukupi kepada pelajar beberapa faktor perlu diambil kira dalam menentukan

kemajuan dan kejayaan pelajar mengharungi tempoh masa kursus yang diambil. Oleh itu, kajian ini telah mengenalpasti permasalahan pencapaian akademik dari aspek yang mendorong kecemerlangan pencapaian pelajar di KV. Tiga faktor penting ini telah dikenalpasti sebagai faktor yang mendorong pencapaian akademik pelajar adalah faktor personaliti, faktor persekitaran dan faktor keluarga. Melalui kajian yang dijalankan, diharapkan dapat membuktikan faktor personaliti, persekitaran dan keluarga mempunyai hubungan yang rapat dalam mendorong pencapaian akademik pelajar mengharungi sesi pembelajaran mereka di KV.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti faktor pencapaian pelajar bagi program kimpalan ketika mereka belajar di KV. Penyelidikan yang dilakukan berdasarkan tiga faktor yang utama iaitu faktor personaliti, faktor persekitaran dan faktor keluarga. Daripada tiga faktor utama ini, diperincikan kepada beberapa faktor kecil seperti yang ditunjukkan dalam kerangka konsep kajian. Penyelidikan ini juga bertujuan untuk menentukan apakah nilai skor min yang tertinggi berdasarkan ketiga-tiga faktor yang dikaji.

1.5 Objektif Kajian

Secara khususnya objektif kajian ini adalah seperti berikut :

- (i) Menenalpasti faktor personaliti mendorong pencapaian akademik pelajar di dalam program kimpalan.
- (ii) Menenalpasti faktor persekitaran mendorong pencapaian akademik pelajar di dalam program kimpalan.
- (iii) Menenalpasti faktor keluarga mendorong pencapaian akademik pelajar di dalam program kimpalan.
- (iv) Menenalpasti nilai skor min tertinggi yang paling mendorong pencapaian akademik pelajar di dalam program kimpalan berdasarkan kepada ketiga-tiga objektif di atas.

1.6 Soalan Kajian

Persoalan kajian berkaitan dengan masalah kajian seperti berikut:

- (i) Adakah faktor personaliti mendorong pencapaian akademik pelajar program kimpalan?
- (ii) Adakah faktor persekitaran mendorong pencapaian akademik pelajar program kimpalan?
- (iii) Adakah faktor keluarga mendorong pencapaian akademik pelajar program kimpalan?
- (iv) Apakah nilai skor min tertinggi yang paling mendorong pencapaian akademik pelajar di dalam program kimpalan berdasarkan kepada ketiga-tiga objektif di atas?


1.7 Kerangka Konsep Kajian

Berdasarkan kandungan kerangka konsep yang dibina, terdapat tiga peringkat utama yang dikaji. Peringkat pertama (*input*) adalah adalah pelajar KV mengambil kursus kimpalan mengikut pilihan masing-masing. Peringkat kedua (*proses*) pula pelajar KV menjalani kursus kimpalan selama empat semester dan pada peringkat ini pengkaji akan mengambil data-data yang berkaitan dengan pencapaian pelajar untuk dijadikan sebagai bahan kajian. Peringkat ketiga (*output*) pula pencapaian pelajar KV tamat kursus Pra-Diploma selama dua tahun (empat semester) dan mereka akan mendapat keputusan mengikut pencapaian mereka.


Bagi mata pelajaran kimpalan pelajar akan bermula dengan semester pertama dan kedua bagi memenuhi pentaksiran setara SKM tahap 1. Setelah itu pelajar akan meneruskan pembelajaran di tahun kedua (semester ketiga dan keempat). Pada peringkat ini pelajar akan memenuhi pentaksiran setara SKM tahap 2. Setiap pelajar perlu kompeten iaitu sekurang-kurangnya mendapat B- (2.67) setiap modul bagi memenuhi syarat untuk mendapatkan sijil setara SKM. Jika terdapat pelajar gagal tiada pengulangan yang akan dijalankan terhadap mereka. Bagi mata pelajaran akademik pula pelajar akan mengambil mata pelajaran teras mengikut modul yang disediakan. Pelajar perlu lulus sekurang-kurangnya mendapat C (2.00) dalam setiap

mata pelajaran. Pelajar yang gagal dalam mata pelajaran akademik diberikan peluang sekali lagi untuk mengulang mata pelajaran tersebut pada semester yang akan datang.

Keputusan pelajar pada setiap semester akan menunjukkan perubahan akan berlaku pada keputusan mereka. Ini menunjukkan terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi proses pencapaian mereka ketika berlakunya proses pembelajaran di KV. Kerangka konsep kajian faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam kursus kimpalan di Kolej Vokasional seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.2.



Rajah 1.2 Kerangka Konsep Kajian (Sumber dan diubahsuai dari Zulkarnain, Z., Saim, M. & Abd Talib. 2006)



Rajah 1.3 Penerangan Kerangka Konsep Kajian (Sumber dan diubahsuai dari Zulkarnain, Z., Saim, M. & Abd Talib. 2006)

1.8 Kepentingan Kajian

Diharapkan keputusan kajian ini akan digunakan oleh pihak-pihak tertentu dalam mencapai matlamat organisasi seterusnya negara kita. Pihak-pihak yang terlibat seperti pelajar, kolej, BPTV dan ibu bapa.

Daripada hasil kajian ini diharap pelajar-pelajar Pra-Diploma dapat mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan dalam bidang yang diceburi sebelum mereka berhadapan dengan alam pekerjaan. Namun perkara yang amat penting bagi mereka adalah kesedaran dan bangkit daripada keadaan yang kurang baik kepada keadaan yang lebih baik. Dalam hal ini, mereka perlukan bimbingan dan dorongan daripada pelbagai pihak terutamanya keluarga, kolej, rakan sebaya sebagai panduan dalam menghadapi kelangsungan hidup.

Daripada hasil kajian ini diharapkan pihak kolej akan mengambil tindakan yang terbaik mereka dalam membantu para-pelajar selaras dengan Visi dan Misi kolej serta matlamat kerajaan. Pihak kolej juga dapat mengetahui betapa pentingnya mereka dalam membantu para-pelajar meneruskan pembelajaran mereka. Peralatan yang lengkap, tenaga pengajar yang mahir dan berpengalaman, persekitaran kolej yang menarik dan pengurusan pelajar yang prihatin merupakan aset yang penting dalam usaha menarik minat pelajar untuk meneruskan pembelajaran mereka dan pelajar baru untuk menyertai warga kolej vokasional.

Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) adalah bahagian yang dipertanggung jawabkan oleh Kementerian pelajaran Malaysia (KPM) untuk meneruskan agenda pembelajaran berasaskan kemahiran. Diharapkan pihak BPTV dapat menyediakan perancangan yang baik dan menguruskan KV dengan lebih baik serta menambah peralatan yang baik memastikan kemudahan yang disediakan mencukupi dan terkini. Dengan adanya kajian ini, diharap pihak BPTV dapat memberi perhatian yang serius terhadap pelajar-pelajar Pra-Diploma. Selain daripada itu, pihak BPTV boleh merancang pelbagai aktiviti yang sesuai di peringkat jabatan dan kolej supaya pelajar-pelajar ini terdorong untuk meningkatkan pencapaian mereka dalam pelajaran.

Ibu dan bapa merupakan penjaga kepada pelajar yang menyediakan peralatan asas persekolahan anak-anak mereka. Diharapkan kajian ini dapat memberi kesedaran kepada ibu dan bapa pelajar bagi mengetahui minat, sikap, disiplin dan

rakan sebaya anak-anak mereka. Ibu dan bapa tidak seharusnya memaksa anak-anak mereka untuk menjadi warga KV jika pelajar tersebut tidak meminati bidang kemahiran yang ditawarkan di KV berkenaan. Ibubapa perlu bersikap terbuka untuk berbincang dengan anak-anak demi masa depan mereka.

1.9 Skop Kajian

Kajian yang dilakukan oleh penyelidik merupakan kajian yang memfokuskan beberapa faktor yang mendorong pencapaian pelajar dalam program kimpalan semasa mereka menjalani proses pembelajaran mereka di KV. Faktor yang dikaji adalah faktor personaliti, faktor persekitaran dan faktor keluarga.

1.10 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik merupakan satu kajian yang berbentuk tinjauan yang berdasarkan sampel. Pengkaji tidak menjalankan kajian di Sabah dan Sarawak kerana kekangan dari aspek masa dan kos yang tinggi. Oleh itu pengkaji memilih untuk menjalankan kajian di Semenanjung Malaysia sahaja. Sampel yang digunakan adalah pelajar-pelajar Pra-Diploma dari beberapa KV rintis mengikut zon di Semenanjung Malaysia sahaja. Pelajar ini merupakan pelajar program kimpalan kohot yang pertama bagi program DVM. Oleh itu batasan kajian yang dijalankan memfokuskan kepada pelajar kimpalan di KV rintis yang adalah seperti berikut:

- (i) Zon Utara (Kolej Vokasional Sg. Petani 1, Kedah)
- (ii) Zon Pantai Timur (Kolej Vokasional Pengkalan Chepa, Kelantan)
- (iii) Zon Tengah (Kolej Vokasional Shah Alam, Selangor)
- (iv) Zon Melaka dan Negeri Sembilan (Kolej Vokasional Datuk Seri Mohd Zin, Melaka) dan
- (v) Zon Selatan (Kolej Vokasional Kluang, Johor)

Pengkaji juga membataskan kajian mengikut faktor-faktor yang dikaji iaitu dari aspek minat, sikap, keluarga, kemudahan asas kolej, pengalaman guru, rakan sebaya, sosio ekonomi dan tanggung jawab keluarga.

1.11 Definisi Istilah Dan Pengoperasian

Terdapat beberapa istilah penting yang digunakan dalam kajian ini, ia bagi maksud menerangkan perbendaharaan kata. Marican (2005) di mana definisi operasi menghubungkan konsep kepada sesuatu yang boleh diperlihatkan dan dinyatakan dalam bentuk yang boleh diukur dan dimanipulasi. Di antaranya ialah :

(i) Faktor

Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), faktor adalah keadaan peristiwa dan lain-lain yang mempengaruhi terjadinya sesuatu manakala mengikut The Oxford English Dictionary, faktor membawa maksud suatu elemen yang terdapat dalam komposisi tertentu yang membuahkan hasil atau sebagai agen. Dalam kajian ini faktor membawa maksud unsur-unsur yang mempengaruhi pencapaian yang baik di dalam mata pelajaran kimpalan.

(ii) Pencapaian

Menurut Mohd Majid dalam Abdul Aziz dan Ahmad (2008), menjelaskan bahawa ujian pencapaian mengandungi set rangsangan yang mengukur penguasaan dan kemahiran individu dalam bidang yang khusus. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), pencapaian bermaksud mendapatkan sesuatu dengan usaha. Dalam kajian ini pencapaian bermaksud tahap tertentu yang dicapai oleh pelajar kursus kimpalan. Zulkarnain, Saim, dan Abd Talib (2006), pencapaian bermaksud kejayaan atau kegagalan pelajar bagi satu-satu ujian, peperiksaan dalam sekolah atau peperiksaan piawai yang direkabentuk, ditadbir, diberi markah dan diinterpretasikan oleh pakar-pakar dalam bidang tersebut khasnya untuk penilaian di sesebuah negara.

(iii) Kimpalan

Kimpalan merupakan satu proses penyambungan bahan-bahan logam atau bukan logam menggunakan haba atau tekanan. Terdapat beberapa proses kimpalan yang biasanya dilakukan dalam industri (Surid, Tuan Soh dan Yasin, 2005). Dalam kajian

ini kimpalan adalah satu program yang ditawarkan dalam memberikan pendedahan kepada para pelajar dalam bidang kimpalan, di mana pelajar akan diajar dari segi teori dan amali (BPTV, 2013).

(iv) Kolej Vokasional

Institusi pendidikan yang menawarkan kursus-kursus Ketukangan di Kolej Vokasional. Institusi ini dikelolakan oleh Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). KV berasal dari Sekolah Menengah Vokasional yang telah dinaik taraf pada tahun 2012. Dalam kajian ini KV merupakan institusi yang dijadikan sebagai pusat pengajaran dan pembelajaran (BPTV, 2013).

1.12 Rumusan

Oleh yang demikian, dalam proses mendapatkan pendidikan yang sempurna ia melibatkan pelbagai faktor perlu diharungi oleh para-pelajar. Faktor personaliti, faktor persekitaran dan faktor keluarga merupakan faktor-faktor penting yang perlu mereka hadapi. Faktor personaliti merupakan faktor mereka dalam mencari identiti mereka sendiri. Faktor persekitaran melibatkan pelajar berhadapan dengan keadaan sekeliling dan keadaan semasa. Mereka perlu tahu menyesuaikan diri mereka dengan keadaan persekitaran mereka dan faktor keluarga pula melibatkan hubungan pelajar dengan ibubapa mereka. Ketiga-tiga faktor ini saling berkait dalam mendorong pencapaian pelajar di KV. Peringkat umur 16 tahun hingga 19 tahun merupakan peringkat umur proses pelajar mengenal diri mereka sendiri dan pada ketika ini pelbagai dugaan serta rintangan yang perlu mereka hadapi. Andai kata pada ketika ini terdapat pelajar yang gagal mengharungi dugaan dan rintangan, mereka mungkin akan terjerumus kepada kegagalan. Jika mereka tidak bangkit dari kegagalan tadi, mereka akan terus berada dalam kegelapan kehidupan mereka. Untuk bangkit dari kegagalan dan keluar dari kegelapan ini, mereka perlu menggunakan ilmu pendidikan yang mereka telah pelajari demi masa hadapan mereka seterusnya harapan negara pada masa depan.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Dalam bab kajian literatur penyelidik akan menjalankan penyelidikan terhadap kajian-kajian pengkaji yang terdahulu. Penyelidik akan membuat ulasan daripada karya penulisan dari sumber-sumber seperti buku, jurnal, kajian kes, tesis, laman sesawang, petikan akhbar / majalah dan lain-lain sumber ilmiah yang dianggap sahih. Sumber-sumber yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini akan membantu penyelidik meneruskan kajiannya dengan lebih baik lagi. Sumber-sumber yang dimaksudkan adalah penulisan yang berkaitan dengan faktor personaliti, faktor persekitaran dan faktor keluarga.

2.2 Model Reka Bentuk Kerangka Konsep Kajian

Kajian yang dijalankan berdasarkan model reka bentuk yang telah dibangunkan oleh Abu Hassan *et. all.* (2005) dalam jurnalnya berkait dengan Kemiskinan Dan Pendidikan dan bertajuk Perubahan Minda Orang Melayu Ke Arah Kecemerlangan Pendidikan Akademik. Kajian yang mengambil kira beberapa faktor yang mempengaruhi kelemahan pelajar melayu khususnya pelajar miskin dan di luar bandar, berkait rapat dengan budaya belajar bagi pelajar. Budaya belajar ini dapat dijelaskan berdasarkan kerangka konsep yang memperlihatkan perkaitan antara empat faktor yang dikenal pasti mempengaruhi pencapaian akademik pelajar melayu iaitu keluarga, pelajar, sekolah dan persekitaran seperti di dalam rajah 1.1. Penyelidik menggunakan model kerangka konsep ini sebagai panduan menjalankan kajian terhadap kajian yang dijalankan. Berdasarkan kerangka konsep tersebut, penyelidik telah menjadikan personaliti, faktor persekitaran dan faktor keluarga sebagai bahan

kajian penyelidikan. Setelah itu, penyelidik telah membahagikan faktor tadi kepada beberapa aspek bagi mendapatkan dapatan kajian yang lebih mendalam. Berdasarkan faktor tadi, penyelidik telah mengeluarkan beberapa aspek yang terdapat di dalam faktor tersebut. Bagi faktor personaliti dibahagikan kepada aspek minat, aspek sikap dan aspek disiplin. Bagi faktor persekitaran dibahagikan kepada aspek peralatan kolej, aspek tenaga pengajar dan aspek rakan sebaya. Bagi faktor yang akhir iaitu faktor keluarga dibahagikan kepada aspek sosio ekonomi dan aspek tanggung jawab keluarga.

2.3 Faktor Personaliti

Setiap insan yang dilahirkan di muka bumi dilahirkan dengan mempunyai personaliti yang berbeza-beza. Pelbagai teori telah dikemukakan bagi mentakrifkan definisi personaliti ini dan melalui personaliti ia dapat mencerminkan keperibadian seseorang. Personaliti boleh dikaitkan dengan kepelbagaian watak dalam diri seseorang dan juga penting dalam membentuk serta menentukan watak seseorang. Di dalam diri seseorang terdapat banyak persamaan dengan orang lain namun terdapat perbezaan yang membezakan personaliti seseorang. Kamus Dewan (2005), mentakrifkan personaliti adalah sifat dan sikap seseorang yang membentuk perwatakannya, keperibadian atau perwatakan. Personaliti merupakan ciri-ciri keseluruhan tingkah laku seseorang manusia sama ada yang dapat dilihat ataupun sebaliknya.

Buntat dan Mat Nasir (2011), perbezaan dari segi tingkah laku, nilai dan personaliti memang mempengaruhi mereka tentang bagaimana mereka menjalankan sesuatu tugas dan menghuraikan sesuatu situasi dan bagaimana mereka menghadapi sesuatu cabaran. Menurut Yahaya, Boon dan Hashim (2008) pula menyatakan, personaliti pelajar mempunyai pengaruh kepada pemilihan kerjaya pelajar. Menurutnya lagi seseorang itu tertarik kepada sesuatu pekerjaan disebabkan personaliti dan beberapa faktor lain yang terkandung dalam latar belakang pekerjaan itu. Mereka juga mengatakan bahawa seseorang yang mempunyai personaliti yang positif biasanya mempunyai konsep sendiri yang positif dan boleh diterima oleh masyarakat. Menurutnya lagi, dengan mempunyai personaliti yang sihat dan sempurna, maka sebenarnya kita telah berjaya memiliki satu kekuatan diri untuk

menjadi benteng daripada sebarang anasir jahat yang ingin mempengaruhi atau menguasai diri dari melakukan tindakan atau perkara yang negatif. Ini disokong oleh Stapa, Ismail dan Yusuf (2012), yang memetik ayat dari dalam Al-Quran, Surah Al-Shams ayat ke 8 hingga ke 10, yang bermaksud: “Maka Dia mengilhamkan kepadanya (jalan) kejahatan dan ketaqwaannya, bersungguh beruntung orang yang menyucikannya (jiwa itu), dan sungguh rugi orang yang mengotorinya.”

